

## **Nilai Tambah Mata Pelajaran Umum (MPU) Dalam Kebolehpasaran Bakal Graduan**

### **Added Value of General Subjects (MPU) in Prospective Graduates' Marketability**

**Nor Shela Saleh<sup>1\*</sup>, Hashim Fauzy Yaacob<sup>2</sup>, Thuaibah Abu Bakar<sup>2</sup>, Azlah Md. Ali<sup>2</sup>, Mohd Shafie Rosli<sup>2</sup>**

<sup>1</sup>Jabatan Sains Sosial, Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum,  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), 86400 Parit Raja, Batu Pahat, Johor,  
MALAYSIA

<sup>2</sup>Fakulti Sains Sosial dan Kemahasiswaan,  
Universiti Teknologi Malaysia (UTM), 81310 Johor bahru, Johor, MALAYSIA

\*Corresponding Author: [norshela@uthm.edu.my](mailto:norshela@uthm.edu.my)

DOI: <https://doi.org/10.30880/hsp.2022.02.01.001>

Received 23 February 2022; Accepted 2 March 2022; Available online 15 June 2022

**Abstract:** The goal of General Subjects (MPU) is to increase the added value of prospective university graduates by improving their personality, integrity, and other skills in order to increase their marketability. The Malaysian Ministry of Higher Education (MOHE) has outlined how MPU courses will be implemented in public and private universities. MPU courses' learning and teaching environments are evolving to meet the demands of the job market, which include digital skills and cutting-edge technology. Structure, value, content, and process-oriented theoretical interventions are always enhanced in MPU courses. Traditional perspectives, experiences, field structures and disciplines, behaviors, and constructivism are all considered in the learning approach. All aspects and approaches are designed to ensure that learning outcomes are mapped in accordance with marketability requirements as outlined by Outcome-Based Education (OBE). The desire to produce competent graduates by evaluating the ability of MPU courses as an added value of marketability can be achieved through the implementation and planning of learning and teaching based on human capital with integrity, effective, dynamic, and innovative.

**Keywords:** *General Subjects, Marketability, Outcome-Based Education (OBE), Added Value, Human Capital, Graduates*

**Abstrak:** Mata Pelajaran Umum (MPU) mempunyai objektif untuk membangunkan nilai tambah bakal graduan universiti dalam meningkatkan kualiti sahsiah, integriti dan kemahiran lain untuk mendepani kebolehpasaran. Pelaksanaan kursus MPU dilaksanakan di universiti awam dan swasta sepertimana yang digariskan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) di Malaysia. Landskap pembelajaran dan pengajaran kursus MPU semakin meningkat sejajar dengan keperluan pasaran kerja iaitu kemahiran digital dan teknologi terkini.

Penerapan dalam kursus MPU sentiasa diperkasakan menerusi intervensi teori berorientasikan struktur, nilai, isi kandungan dan proses. Pendekatan pembelajaran juga melihat pendekatan berasaskan perspektif tradisional, pengalaman, struktur/disiplin bidang, tingkah laku dan konstruktivis. Segala aspek dan pendekatan bertujuan untuk memastikan pemetaan hasil pembelajaran dicapai sepertimana yang digariskan oleh Outcome Based Education (OBE) sejajar dengan keperluan kebolehpasaran. Hasrat melahirkan bakal graduan kompeten dengan menilai keupayaan kursus MPU sebagai nilai tambah kebolehpasaran dapat dicapai menerusi pelaksanaan dan perancangan pembelajaran serta pengajaran yang berteraskan modal insan berintegriti, efektif, dinamik serta inovatif.

**Kata Kunci:** Mata Pelajaran Umum, Kebolehpasaran, Outcome Based Education (OBE), Nilai Tambah, Modal Insan, Bakal Graduan

## 1. Pengenalan

Di Malaysia, mata pelajaran umum bukan hanya sebuah subjek tetapi ia menjadi pembina jati diri bangsa bagi melahirkan generasi yang mempunyai kemahiran tinggi, pengetahuan, serta memiliki keperibadian yang positif (A). Mata Pelajaran Umum (MPU) merupakan kursus wajib yang diperkenalkan di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS). Selain pelajar tempatan, MPU juga menjadi salah satu pendekatan untuk menggalakkan pelajar luar negara mempelajari sejarah, budaya dan persekitaran yang terdapat di Malaysia. Graduan di Malaysia juga seringkali dikatakan lambat mendapat pekerja. Bahkan, ada segelintir daripada mereka yang hanya mendapat peluang pekerjaan pada usia yang agak lewat (26 hingga 27 tahun) sepertimana yang dikongsi di media sosial. Kajian Noor Syahida dan Huzaimah (2021) mendapati banyak perbincangan dan isu berkenaan dengan pelaksanaan MPU telah diperdebatkan di Malaysia. Banyak perkara yang dibincangkan misalnya berkenaan dengan kebolehpasaran dan isu dalam pembangunan modal insan. Namun realiti utama yang perlu diperjelaskan adalah keperluan modal insan juga bercirikan faktor kemahiran insaniah, sikap, keterampilan, daya tahan emosi dan fizikal serta tingkah laku yang positif ke arah meningkatkan kompetensi sebagai pekerja. Bahkan, pelaksanaan kursus MPU juga berperanan sebagai agenda pemukukan pekerja yang mampu membina sinergi antara masyarakat majmuk. Ini juga penting bagi mengelakkan bias antara kaum dan etnik dalam pengambilan pekerja di pasaran ekonomi. Pemupukan Bahasa Melayu dapat diperkasakan serta dimartabatkan signifikan dengan Perkara 152 Perlembagaan Malaysia. Langkah ini dapat membina inisiatif komunikasi bahasa dan interaksi di Malaysia (Nurul Farhana et al., 2019).

## 2. Pelaksanaan Mata Pelajaran Umum (MPU)

Banyak universiti di Malaysia yang meletakkan subjek umum di sebuah pusat tanggungjawab yang khusus. Bahkan, di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) juga mempunyai pusat pengajian umum tersendiri yang dikenali sebagai Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum (PPUK) yang diperkenalkan sejak 1 Ogos 2016 (sumber: <https://ppuk.uthm.edu.my/info-korporat/latar-belakang>). Perkara ini bukanlah sesuatu yang baharu. Di Malaysia, wujudnya persamaan penawaran subjek MPU dalam kalangan penuntut di IPTA dan IPTS. Kajian yang dijalankan oleh Ng Ming dan Iswandi (2017), menjelaskan bahawa kepentingan MPU adalah sejajar dengan pembangunan kualiti modal insan dalam kalangan mahasiswa. Peningkatan ini menjurus kepada matlamat Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) yang mana ia berperanan penting dalam melahirkan graduan holistik. Penjelasan berkenaan dengan pelaksanaan subjek MPU di UNISEL yang merupakan salah satu IPTS terkemuka di Malaysia iaitu subjek MPU memberi pelbagai manfaat kepada pelajar menerusi program jati diri dan pembinaan kepimpinan serta kemahiran insaniah. MPU bukan hanya tertumpu kepada IPTA sahaja, tetapi ia juga merupakan mata pelajaran yang diwajibkan di IPTS. Bahkan, peruntukan untuk pelaksanaan MPU di IPTS tertakluk dalam Akta Institusi Pengajian Tinggi Swasta 1996 (Akta 555). Bahkan, MPU merupakan prasyarat yang dimestikan kepada semua mahasiswa sama ada ia melibatkan pelajar tempatan mahupun antarabangsa. Semua mahasiswa di pelbagai

peringkat mestilah akur dengan pengambilan subjek MPU sebagai prasyarat untuk dianugerahkan Sijil, Diploma serta Ijazah Sarjana Muda.

### 3. Matlamat Mata Pelajaran Umum (MPU)

Pelaksanaan subjek MPU banyak memberikan kesan positif kepada mahasiswa menerusi program kemasyarakatan. Menerusi subjek MPU, mahasiswa dapat terlibat dalam program kesukarelawan, kebudayaan, keusahawanan dan menyelami kehidupan bersama komuniti (Ng Ming & Iswandi, 2017). Misalnya, kelestarian MPU terus kekal dalam situasi pandemik kerana ia melibatkan penglibatan pensyarah yang sentiasa cakna dengan perubahan pembelajaran (Muhaymin Hakim et al., 2021). Penggunaan pembelajaran berasaskan digital dalam kursus MPU bukan hanya diperkenalkan di universiti bahkan diperkasakan di institusi pendidikan lain. Menurut kajian Ahmad Fkrudin, Wan Norina dan Nor Khayati (2019), penggunaan Web 2.0 turut digunakan dalam pengajaran dan pengajaran kursus MPU di kebanyakan politeknik di Malaysia. Dalam kajian tersebut, mereka menggunakan Kursus Komunikasi dan Penyiaran Islam (DUA6022) sebagai analogi kajian dalam menggabungkan aplikasi Web 2.0 dan Model ADDIE bagi membina makna dalam setiap pembelajaran yang dijalankan. Model ADDIE yang diketengahkan menggunakan kelima-lima prinsip model tersebut iaitu analisis, reka bentuk, pembangunan, pelaksanaan dan penilaian. Hasil kajian mereka berjaya membangunkan portal dalam kursus MPU yang dikaji dan ia menunjukkan kursus MPU adalah relevan dengan pembelajaran berkonsepkan digital dan teknologi maklumat.

Melihat kepada perubahan landskap pembelajaran kursus MPU, mahasiswa dan mahasiswi perlu cakna akan kelebihan MPU adalah untuk membangunkan kemahiran insaniah atau dikenali sebagai *softskills*. Pendekatan MPU banyak menengahkan konsep dan aplikasi kajian lapangan. Sebagai contoh, pelajar akan diberikan tugas untuk menjalankan kajian lapangan bersama komuniti dan masyarakat. Malah, sebagai konsep praktis mahasiswa digalakkan membuat pembentangan menerusi kaedah video untuk mencapai konsep empati sepanjang pembelajaran. Sejalan dengan isu kebolehpasaran, kursus MPU dilihat mampu membantu hasrat pihak Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) ke arah mencapai objektif High Impact Educational Practices (HIEPs). Ini kerana, kursus MPU dilihat sebagai nilai tambah dalam proses membina kemahiran insaniah yang berteraskan elemen tanggungjawab sosial, nilai kemanusiaan, sikap positif, profesionalism berintegriti dan semua elemen ke arah kompetensi modal insan yang berkualiti (Noor Syahida et al., 2022).

### 4. Penerapan Teori Dalam Mata Pelajaran Umum (MPU)

Teori kurikulum yang diaplikasikan ke dalam kursus MPU boleh menggunakan pendekatan ahli falsafah lepas misalnya pelaksanaan dalam Teori Glatthorn, Boschee dan Whitehead (2009) yang menjelaskan konsep kurikulum adalah preskriptif, deskriptif atau kedua-duanya. Menurut Glatthorn, Boschee dan Whitehead (2009), salah satu klasifikasi kurikulum yang dirujuk adalah dimensi kurikulum yang dibangunkan oleh Esiner dan Valance (1974). Namun, Glatthorn, Boschee dan Whitehead (2009) menengahkan domain inkuiri dimana mereka telah mengusulkan empat kategori teori kurikulum.

#### 4.1 Teori Berorientasikan Struktur

Teori ini menekankan aspek analisis dalam komponen kurikulum. Ia menjelaskan bahawa komponen kurikulum saling berkait dan mempunyai hubungan antara satu sama lain. Ini menunjukkan, teori ini melihat perkaitan antara komponen dalam kurikulum. Walaubagaimanapun, teori ini berbentuk deskriptif dan penerangan. Rekabentuk kurikulum MPU adalah melihat kepada perkaitan isu dan permasalahan tentang komuniti dan kemasyarakatan. Setiap bab dalam kursus sememangnya mempunyai perkaitan antara satu sama lain kerana ia menceritakan tentang isu etnisiti, perkauman, hubungan toleransi, komunikasi sihat, sosialisasi dan sebagainya (Siti Norayu et al., 2018). Struktur dalam setiap bab mestilah saling berkait rapat kerana ia melibatkan rangkaian dan untaian bab. Setiap bab perlu disusun secara berstruktur dan memberi kronologi kepada perkembangan bab mengikut susunan dan pemberat bab.

## 4.2 Teori Berorientasikan Nilai

Teori ini memberi penekanan kepada analisis tentang nilai dan andaian. Nilai dan andaian ini adalah tertumpu kepada individu atau kelompok yang membangunkan kurikulum ini. Oleh itu, dalam kategori teori ini diklasifikasikan sebagai corak kritis. Melalui teori ini, kursus MPU akan mejadi satu kursus yang boleh membentuk sahsiah dan peribadi pelajar sebagai rakyat Malaysia yang mengamalkan konsep demokrasi dan integrasi dalam negara bangsa. Melalui rekabentuk kursus ini, andaian dapat dipenuhi dengan menumpukan perhatian kepada pelajar agar mampu menjelaskan dengan tepat hubungan etnik dalam kehidupan bagi mencapai tahap integrasi nasional yang tertinggi. Ia juga menilai sikap dan tingkah laku pelajar supaya sentiasa mempamerkan kerjasama berkesan dalam kumpulan intra dan inter etnik melalui pembelajaran untuk faedah organisasi dan masyarakat (Noor Syahida & Huzaimah Ismail, 2021). Akhir sekali, konsep nilai ditekankan melalui andaian pelajar mampu menunjukkan dengan bijak amalan tolak ansur dalam kehidupan bermasyarakat yang berbilang kaum di Malaysia. Bagi memenuhi dan mengukur nilai, pelajar akan diberikan kuiz, ujian, latihan dan proses refleksi di akhir waktu kuliah untuk memastikan mereka memahami dan mengamalkan segala topik yang terkandung di dalam kursus ini. Selain itu, pelajar juga diberi penekanan tentang pencapaian misi, visi dan objektif mahasiswa yang mempunyai integrasi sosial dalam konteks menghormati nilai dan budaya pelbagai etnik di dalam kampus.

## 4.3 Teori Berorientasikan Isi Kandungan

Teori ini menumpukan kepada aspek cara menentukan isi kandungan kurikulum. Namun, teori ini lebih bercorak preskriptif. Isi kandungan dalam kursus ini mempunyai pertautan dan hubungan antara satu sama lain. Ini bermakna, pelajar mestilah menguasai semua elemen yang terkandung dalam kursus ini. Agihan dalam bab kursus ini menepati kriteria keperluan pembelajaran pelajar sejajar dengan keperluan dalam kursus di universiti, implikasi kursus kepada komuniti dan masyarakat, hasil pembelajaran, pendekatan pembelajaran dalam memastikan hasil pembelajaran dicapai dengan baik, alat bantuan pengajaran dan pembelajaran, pembangunan insaniah, kognitif dan nilai tanggungjawab dalam memastikan kesan kursus ini dijadikan pedoman sepanjang hayat (Noor Syahida et al., 2022). Kandungan utama kursus adalah menekankan aspek kesepaduan masyarakat dalam kepelbagaian dalam menjalinkan potret hubungan etnik dan kenegaraan di Malaysia. Secara tidak langsung, penekanan dalam integrasi sosial akan membentuk nilai kemakmuran pelbagai etnik sebagai landasan menghormati prinsip Perlembagaan Persekutuan yang dikategorikan sebagai tiang seri hubungan etnik. Walaubagaimanapun, dalam menentukan teori berorientasikan kandungan, beberapa perkara perlu dipertimbangkan dan diambil kira:

- i. Kepentingan kursus yang menjelaskan tentang konsep integrasi nasional dalam kalangan pelajar universiti.
- ii. Sumber kepakaran dalam kalangan pengajar dan pensyarah
- iii. Objektif pencapaian hasil akhir pembelajaran kursus
- iv. Pendekatan teknik dan strategi pengajaran dan pembelajaran sejajar dengan kemahiran yang diberikan kepada pelajar untuk digunakan sebagai pembangunan diri pelajar. Antara aspek utama adalah penekanan kemahiran dalam perundingan, penulisan dan interpersonal serta pembentangan.

## 4.4 Teori Berorientasikan Proses

Teori ini menekankan tumpuan terhadap penerangan berkaitan sesuatu kurikulum yang diperkembangkan. Ia juga berkaitan dengan sumbangan cadangan yang berkaitan dengan kurikulum dalam pendekatan reka bentuk pembelajaran. Teori ini mempunyai banyak kelebihan dimana ia boleh berkonsepkan proses deksriptif atau preskriptif. Proses pembelajaran mempunyai pelbagai proses untuk pembangunan sendiri pelajar. Pelajar perlu meningkatkan proses kemahiran interpersonal khususnya dalam rundingan. Melalui rundingan, pelajar akan meningkatkan proses kemahiran perundingan melalui tugas yang dijalankan bersama organisasi atau komuniti. Melalui penulisan, pelajar akan menjalani proses latihan penulisan laporan kajian lapangan yang sesuai dan sempurna.

Akhir sekali, pembentangan akan memberikan proses pembelajaran untuk pelajar lebih yakin dan mampu berinteraksi dengan kompeten bersama audien. Pembangunan dalam kurikulum ini menunjukkan proses pembelajaran yang efektif dan tersusun selaras dengan pendekatan kurikulum yang sistematik.

Selain daripada penawaran yang meliputi semua sasaran, kursus MPU juga bertindak sebagai proses melahirkan bangsa dan rakyat Malaysia yang mampu mendaulatkan undang-undang negara berlandaskan kepada ketertinggian dalam Perlembagaan Persekutuan. Inisiatif dalam melaksanakan kursus MPU secara *Massive Open Online Courses* (MOOC) adalah antara inisiatif dalam mempertingkatkan hasil MPU dalam pelajar universiti (Tengku Intan Suzila et al., 2021). Selain itu, ia bertindak sebagai satu integrasi yang dapat menyatupadukan rakyat ke arah integrasi nasional dalam melaksanakan komunikasi, bahasa, budaya dan nilai yang membentuk negara bangsa. Justeru, kursus MPU telah diperkenalkan sebagai kursus wajib di seluruh institusi pendidikan tinggi awam (IPTA). Sasaran dan tujuan utama penawaran kursus ini adalah memberi kesedaran dan penghayatan nasionalisme dalam kalangan rakyat Malaysia, membina nilai-nilai murni, membentuk jati diri negara bangsa yang memperkasakan keutuhan sosio-budaya dalam kalangan masyarakat berbilang kaum di Malaysia. Walaubagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan yang masih dikenalpasti dalam pelaksanaan kursus ini. Justeru, penelitian dalam melaksanakan pendekatan Lima Perspektif Kurikulum yang dikenalpasti oleh Posner (2004) adalah perlu diterapkan dalam kursus ini (rujuk Jadual 1).

**Jadual 1: Lima Perspektif Kurikulum (Persoalan Asas: Posner, 2004)**

<b>Perspektif</b>	<b>Persoalan Pertimbangan Kursus</b>
Tradisional	Apakah aspek yang paling penting dalam kursus MPU yang perlu dikekalkan?
Pengalaman	Apakah pengalaman yang menyumbang kepada perkembangan integrasi nasional dalam kalangan pelajar melalui kursus MPU?
Struktur Disiplin/ Bidang	Apakah struktur disiplin/ bidang ilmu kursus MPU?
Tingkah Laku	Selepas selesai mengikuti kursus ini, apakah pelajar sepatutnya dapat lakukan berdasarkan hasil pembelajaran MPU?
Konstruktivis	Bagaimanakah pelajar dapat memahami/ mentakrif pengalaman mengikuti kursus MPU secara produktif dan realistik?

Pendekatan Posner (2004) dilihat penting dalam membangunkan keberkesanan kurikulum kursus ini. Justifikasi dalam pendekatan ini adalah seperti berikut:

#### **4.4.1 Perspektif Tradisional**

Elemen dalam kenegaraan dan etika perlu dipraktikkan dalam kehidupan pelajar. Sebagai contoh, semasa pembahagian tugas kumpulan, pensyarah mestilah membuat agihan berlandaskan kepada kepelbagaian pelajar termasuklah jantina, fakulti, latar belakang bidang dan etnik. Dengan kaedah ini, pelajar dapat mengekalkan satu bentuk pembudayaan dalam komuniti integrasi nasional secara dalam kumpulan kerja.

#### **4.4.2 Pengalaman**

Pengalaman perlu dibentuk. Ini termasuklah penglibatan pelajar dalam kerja lapangan. Kajian lapangan mestilah menekankan aspek kenegaraan. Ruang lingkup kajian seharusnya menjelaskan dengan kritis isu dan masalah yang membincangkan situasi komuniti berasaskan masyarakat majmuk di Malaysia. Ini termasuklah dalam konteks konflik antara budaya dan komuniti yang berlainan bangsa dan agama.

#### **4.4.3 Struktur/ Disiplin Bidang**

Melalui pendekatan kurikulum Posner (2004), pelajar mestilah mampu mencapai hasil pembelajaran kursus dengan mengetahui struktur/disiplin bidang yang diutamakan. Pensyarah mestilah memastikan tema dan tajuk tugas merangkumi aspek disiplin kajian sahaja. Ini termasuklah ujian dan kuiz mestilah bersifat praktikal. Pensyarah boleh memberikan gambaran atau isu yang berasaskan masalah, kemudian pelajar diminta menyelesaikan isu tersebut sejajar dengan konteks Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang di Malaysia.

#### **4.4.4 Tingkah Laku**

Pensyarah perlu membimbing dan sentiasa menyelia tugas pelajar supaya ianya tidak bercanggah dengan mana-mana isu. Pelajar mestilah menjaga kesopanan dan adab agar tidak memberi masalah kepada mana-mana pihak.

#### **4.4.6 Konstruktivis**

Konstruktivis adalah penting sebagai tindakan pelajar untuk memahami kursus ini secara realistik. Pensyarah perlu memberikan kebebasan kepada pelajar dalam membuat pembentangan. Pembentangan mestilah bersifat praktikal dan bukannya sebagai sesi penyampaian idea (komunikasi sehalu) sahaja. Pembentangan secara video/lakonan adalah sangat sangat kerana ia merupakan salah satu kaedah membentuk nilai menerusi empati dan perasaan yang dilalui semasa lakonan dilakukan. Secara tidak langsung, pelajar lebih memahami setiap topik dalam kursus secara pengalaman dan realistik.

### **5.0 Impak Mata Pelajaran Umum (MPU) Dalam Pencapaian Outcome Based Education (OBE) Dalam Mendepani Kebolehpasaran**

OBE juga dikenali sebagai *Outcome Based Education* merupakan pendekatan yang sistematik dalam memastikan keberhasilan kurikulum. OBE mempunyai keunikan tersendiri dengan menengahkan pelbagai aspek kekuatan dan kelemahan (Nur Asyikin & Mohamed Yusoff, 2021). Terdapat beberapa implikasi dalam pendekatan OBE. Implikasi pertama, para pendidik mestilah menjelaskan hasil akhir pengalaman pembelajaran pelajar. Implikasi kedua, pendidik mestilah menyusun kurikulum, pengajaran dan pentaksiran kursus masing-masing. Hal ini untuk memastikan pelajar dapat membuat demonstrasi hasil pembelajaran tersebut. OBE yang dibangunkan mestilah berlandaskan kepada tiga premis (keupayaan pelajar, pemangkin pembelajaran berterusan dan penentuan kejayaan pelajar). Dalam prinsip OBE pula, ia menekankan empat dasar utama iaitu kejelasan fokus, reka bentuk dari atas ke bawah/ depan ke belakang, ekspektasi tinggi dan peluasan peluang. Melalui prinsip OBE, pendekatan OBE juga perlu dilihat iaitu tradisional, transisional dan transformasional. Menurut Biggs (1999), penjarangan dalam konstruktif OBE mestilah mempunyai enam langkah iaitu penetapan hasil pembelajaran, menentukan aktiviti pembelajaran, melibatkan pelajar, membuat pentaksiran dan pemungutan maklumat, membuat penilaian dan pertimbangan serta pemberian markah/ gred yang bersesuaian. Walaubagaimanapun, OBE juga mempunyai beberapa kelemahan dan kritikan iaitu sokongan terhadap pelaksanaan OBE adalah tidak menyeluruh khususnya dalam kalangan pendidikan. Sebagai contoh, Stenhouse (1975), mengkritik OBE kerana beliau mentafsirkan pendidikan kepada sekelompok objektif eksplisit, walhal terdapat objektif pembelajaran yang dinyatakan dalam bentuk

eksplisit. Bahkan, beliau juga berpendapat bahawa kaedah ini mengongkong pendidik kepada hasil pembelajaran yang ditetapkan sahaja.

Pelaksanaan kajian lapangan merupakan salah satu konsep pembelajaran yang mampu membantu pelajar menjalankan kajian secara kualitatif atau kuantitatif. Memandangkan pandemik Covid-19, pelajar telah bijak menggunakan kreativiti untuk menjalankan kajian secara atas talian menggunakan kaedah temu bual google meet, zoom, video telegram dan video whatsapp (Mafarhanatul et al., 2022). Pelajar juga menggunakan kajian tinjauan dengan mengedarkan soal selidik kepada responden kajian dengan menggunakan google form sebagai medium pembinaan instrumen kajian. Secara tidak langsung, pelajar mendapatkan pengalaman menjalankan kajian lapangan dengan memperolehi sumber data secara primer. Saya juga sentiasa membimbing pelajar untuk menyediakan laporan penyelidikan kajian lapangan yang bersesuaian dengan kehendak pembelajaran.

Dalam pelaksanaan pembelajaran berasaskan pembentangan, saya meinta pelajar lebih bertanggungjawab dengan membuat kaedah yang lebih praktikal. Pelajar bertindak kreatif dengan menggunakan pendekatan video rakaman menggunakan power point, lakonan dengan membuat suntingan video berasaskan perisian yang mudah dan boleh didapati secara percuma, menggunakan pembentangan segerak melalui google meet. Pembentangan ini secara tidak langsung melatih keyakinan dan kebolehan komunikasi dalam kalangan pelajar. Walaupun pelajar tidak dapat dinilai secara fizikal, namun keyakinan dan kaedah penyampaian pembentangan dapat dinilai sebagai salah satu konteks pencapaian. Kesungguhan pelajar menyediakan tugas pembentangan dilihat sangat baik.

Melalui situasi pandemik Covid-19 yang semakin membimbangkan, sistem pembelajaran secara atas talian telah membantu proses pengajaran dan pembelajaran yang sememangnya dilaksanakan secara pembelajaran teradun sebelum ini membantu pensyarah untuk kekal mengajar secara atas talian. Pelajar yang sebelum ini diberikan beberapa minggu kelas secara online (teradun) lebih mudah beradaptasi disebabkan oleh kelaziman dan kebiasaan dalam sistem pembelajaran atas talian ini. Secara tidak langsung, pelajar tidak perlu membuat penangguhan pengajian dan boleh terus belajar secara on-line (Mafarhanatul et al., 2022).

## **6.0 Kesimpulan Dan Cadangan Kajian Akan Datang**

Pelaksanaan MPU merupakan salah satu cara untuk melakukan pembangunan manusia. Pembangunan manusia dapat dibangunkan menerusi peningkatan pengetahuan, sikap, kebolehpasaran dan kemampuan daya saing dalam kalangan mahasiswa mendepani cabaran kehidupan selepas menamatkan pembelajaran di IPTA atau IPTS (Noor Syahida & Huzaimah, 2021). Semangat nasionalisme dan patriotisme dapat dibentuk menerusi subjek MPU khususnya Kursus Kenegaraan. Menerusi subjek yang menerapkan sentimen kenegaraan dan integrasi nasional, pelajar akan ditekankan dengan kepentingan pemerkaasaan Bahasa Melayu yang termaktub dalam Perkara 152 Perlembagaan Malaysia (Nurul Farhanah et al., 2019). Menerusi kajian yang dijalankan, masalah penggunaan Bahasa Melayu dapat diperbaiki menerusi subjek MPU. Ini termasuklah masalah penggunaan bahasa rojak dan gabungan dialek negeri menyebabkan penguasaan Bahasa Melayu seringkali menjadi isu dan diperkatakan dalam masyarakat (Nurul Farhanah et al., 2019). Menerusi subjek MPU, pelajar akan diwajibkan menggunakan Bahasa Melayu semasa menyiapkan tugas melainkan subjek MPU yang melibatkan pelajar antarabangsa (Rohaidah et al., 2019).

Bagi meningkatkan keutuhan dalam penyelidikan kepentingan subjek MPU, intervensi berkenaan kematangan subjek MPU perlu dilakukan sejajar dengan konsep pembelajaran abad ke-21. Kajian Ahmad Fkrudin, Wan Norina dan Nor Khayati (2019) mendapati penggunaan laman web dalam pengajaran dan pembelajaran subjek MPU semakin giat dilakukan menerusi rujukan Model ADDIE yang mengandungi fasa-fasa pelaksanaan pembelajaran. Menerusi aplikasi laman web, subjek MPU juga menumpukan kepada hasil pembelajaran yang holistik bagi memastikan graduan kompeten dalam kognitif, sikap dan instuitif. Pengkaji akan datang disaran menyelidik kajian-kajian yang menerapkan elemen teknologi dan digital sebagai platform pelaksanaan subjek MPU. Antara bentuk

aplikasi yang kerap digunakan adalah *Padlet, Google Classroom, LiveBoard, Google Meet, Zoom, EduCreation, MOOC* dan *Microsoft Teams*. Bahkan, pensyarah yang mengajar subjek MPU adalah digalakkan memberi kelonggaran dan kemudahan kepada pelajar khususnya melibatkan penghantaran. Penghantaran secara atas talian adalah lebih mudah, menjimatkan masa, tenaga dan kos. Sebagai contoh, pensyarah boleh menggunakan *Google Drive, Skydrive, Dropbox, Whatsapp, Telegram, Email* dan pelbagai intervensi lain yang boleh menarik minat pelajar untuk meminati subjek MPU (Nor Shela & Mohd Shafie, 2019).

Kursus dan subjek MPU adalah sangat relevan dikekalkan. Bahkan, ia perlu sentiasa pertingkatkan kualiti secara konsisten kerana MPU mempunyai keistimewaan dan hasil pembelajaran yang tersendiri. Sikap segelintir pelajar yang memandang enteng akan subjek MPU dengan meletakkan ia sebagai subjek mudah adalah harus dikikis. Ini kerana subjek ini merupakan subjek yang perlu dipandang serius dan kualiti tugas seperti pembentangan serta laporan perlu dilakukan sebaik mungkin setaraf dengan subjek lain. Bahkan, pensyarah yang mengajar subjek MPU sama ada di IPTA dan IPTS semakin kreatif, inovatif dan kritis dalam menjalankan sesi pembelajaran serta pengajaran sejajar dengan konsep digital abad ke-21 (Nor Shela et al., 2021; Mohd Shafie et al., 2021). Justeru, tanggapan semua pihak perlu diubah kerana MPU dapat mendidik bakal graduan yang mempunyai akhlak, sikap, kemahiran dan pemikiran matang sejajar dengan prospek sumber manusia dalam memenuhi nilai kebolehpasaran graduan.

## Penghargaan

This research was supported by Ministry of Higher Education (MOHE) through Fundamental Research Grant Scheme (FRGS/1/2021/SS0/UTHM/03/6).

## Rujukan

- [1] Ahmad Fkrudin Mohamed Yusoff, Wan Norina Wan Hamat & Nor Khayati Basir (2019). Penggunaan Aplikasi Web 2.0 dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran Kursus Mata Pelajaran Umum (MPU) di Politeknik. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 16(5), 1-13.
- [2] Eisner, E., & Vallance, E. (1974). *Introduction - Five conceptions of Curriculum: Their Roots and Implications for Curriculum Planning*. In *Conflicting Conceptions of Curriculum*, pp. 1–18. Berkeley, CA: McCutchan.
- [3] FMT Reporters (2021). Jangan Paksa Siswa Belajar Perkara “Tak Relevan”. Diakses di <https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2021/10/06/jangan-paksa-siswa-belajar-perkara-tak-relevan-kata-syed-saddiq/>
- [4] Glatfhorn, A.A., Boschee, F., & Whitehead, B.M. (2009). *Curriculum Leadership: Strategies for Development and Impelementation*. 2nd ed. Los Angeles: Sage.
- [5] Mafarhanatul Akmal Ahmad Kamal, Bazrina Ramly, Noor Shariena Zaraini & Ilham Alia Mat Isa (2022). Understanding the Continuance Intention to Learn Using Google Classroom (GC) in Online Classless: Decomposed Technology Acceptance Model Based. *International Journal of Modern Language and Applied Linguistics*, 6(1), 14-29.
- [6] Mohd Shafie Rosli, Nor Shela Saleh, Azlah Md. Ali & Suaibah Abu Bakar (2021). Technology Acceptance: Theories and Applications in Digital Tech. *Human Sustainability Procedia*, 1(2), 22-30.
- [7] Muhaymin Hakim Abdullah, Zahrul Akmal Damin, Noranifitri Md. Nor, Nor Shela Saleh, Harliana Halim, Riki Rahman & Fauziah Ani (2021). University Courses Subjects (MPU) Accessibility Via Online For Distance Learning (DI) During Movement Control Order (MCO) In Malaysia. *Review Of International Geographical Education Online, Eyup Artvinli, Institute Of Education In Eskisehir Osmangazi University*, 4(376), ISSN:21460353.
- [8] National University of Singapore. *Degree Requirements*. Diakses di <https://www.nus.edu.sg/registrar/academic-information-policies/undergraduate-students/degree-requirements>



- [9] Ng Ming Yip & Iswandi Harahap Burhanuddin (2017). Matapelajaran Pengajian Umum (MPU) Peneraju Transformasi Pendidikan Holistik. *Conference Paper*, Ogos 2017, UNISEL.
- [10] Noor Syahida Md Soh & Huzaimah Ismail (2021). Impelementation of General Education Subject (MPU) in Malaysia: an Overview. *Journal al-Irsyad*, 6(1), 680-687.
- [11] Noor Syahida Md Soh, Huzaimah Ismail, Nurulhuda Md Hassan, Mohd Annas Shafiq Ayob & Faridah Mohd Sairi (2022). Cultivation of Islamic Philanthropy Concept through High Impact Educational Practices in Universiti Teknologi MARA. *Asian Journal of University Education (AJUE)*, 18 (2), 336-347.
- [12] Nor Shela Saleh & Mohd Shafie Rosli (2019). Kepentingan Pembelajaran Abad ke 21 terhadap Potensi Kebolehpasaran Modal Insan. *Innovative Teaching and Learning Journal (ITJL)*, 6 (71), 71-81.
- [13] Nor Shela Saleh, Moh Shafie Rosli, Suaibah Abu Bakar & Azlah Md. Ali (2021). Communication in Graduate Marketability: Barriers or Opportunities? *Human Sustainability Procedia*, 1(2), 10-21.
- [14] Nurul Farhanah Mohd Nasir, Mohamad Ikhrum Mohamad Ridzuan, Alan Tan Yee Hock, Oh Siew Pei, Abdul Latif Hj. Jamaludin, Nurhani Hazirah Ahmad Hamidi & Norfaizadatul Akma Mohamad Maswan (2019). The Effectiveness of General Studies's Subjects in Emowering Malay Language Usage: A Preliminary Study. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 4(24), 85-95.
- [15] OECD Library. Diakses di <https://www.oecd-ilibrary.org/sites/0ebc645c-en/index.html?itemId=/content/component/0ebc645c-en#boxsection-d1e32>.
- [16] Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum (PPUK), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM). Diakses di <https://ppuk.uthm.edu.my/>
- [17] Rohaidah Mashudi, Mohd Hairul Anuar Razak, Hawa Rahmat, Nor Huda Abd Hamid, Nurhazlini Rahmat, Azean Idruwani Idrus & J Sham Wahid (2019). Penggunaan Bahasa Melayu dalam Pengajaran dan Pembelajaran Mata Pelajaran Umum di IPTS. *International Journal of Humanities, Philosophy, and Language*, 2(8), 95-108.
- [18] Siti Norayu Mohd Basir, Mohammad Zaini Abu Bakar, Junainor Hassan & Haasad Hassan (2018). Persepsi Terhadap Pnawaran Mata Pelajaran Umum Hubungan Etnik dalam Meningkatkan Kefahaman Patriotisme di Universiti Malaysia Perlis. *Journal of Human Development and Communication*, 7, 143-154.
- [19] Stenhouse, L. (1975). *An Introduction to Curriculum Research and Development*. London: Heinemann.
- [20] Tengku Intan Suzila, T.S., Omar S.R., Ahmat N.N., Hassan, M. & Mohd Yusri, M.N. (2021). Investigating the Compliance of Ethnic Relations MOOC to Gagne Nine Events of Instruction. *GADING (Online) Journal for Social Sciences*, 24(4), 1-9.